

MAHATHIR-PERUTUSAN

1983

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PARA PELAJAR PETING MENGAMBIL TAHU TENTANG PERKEMBANGAN POLITIK TANAH AIR.

PARA PELAJAR KATA PERDANA MENTERI ADALAH GOLONGAN PENTING DALAM MASYARAKAT WALAUPUN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PADA MASA INI ADALAH TERHADAP PELAJARAN.

DATUK SERI DR.MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR KELAB UMNO JAKARTA SEMPENA PERASMIANNYA SABTU INI.

KELAB TERSEBUT DIUSAHAKAN PENUBUHANNYA OLEH DUTA MALAYSIA KE INDONESIA DATUK MOHAMAD RAHMAT YANG JUGA SEORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO. IA AKAN DIRASMIKAN OLEH Pengerusi MARA HAJI ABDUL RAHIM BAKAR YANG JUGA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO.

DATUK SERI DR.MAHATHIR MENGANGGAP PENUBUHAN KELAB UMNO ITU SEBAGAI KENA PADA MASANYA MEMANDANGKAN TERDAPAT RAMAI RAKYAT MALAYSIA DI IBU NEGARA INDONESIA ITU DAN JUGA DI NEGARA ITU DAN KEBANYAKAN MEREKA TERDIRI DARIPADA PARA PELAJAR.

BELIAU BERKATA UMNO SEBAGAI TERAS POLITIK NEGARA, MEMERLUKAN PENGLIBATAN DAN SOKONGAN SEMUA GOLONGAN DAN LAPISAN MASYARAKAT MELAYU.

--LAGI 1538/AN

ZCZC B586

MAHATHIR-PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERLUNYA PARA ANGGOTA UMNO MENGENEPIKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI UNTUK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

+INILAH ASAS KEUTUHAN UMNO DAN HAKIKAT INI HENDAKLAH SENTIASA DIPUPUK OLEH SEMUA+, TAMBAHNYA.

BELIAU YAKIN KELAB UMNO JAKARTA AKAN DAPAT MENGUKUHKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA PARA PELAJAR MALAYSIA DENGAN RAKAN-RAKAN MEREKA DI NEGARA ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO DALAM PERUTUSAN YANG SAMA BERKATA UMNO SEBAGAI SEBUAH PARTI POLITIK YANG MENJADI TULANG BELAKANG KEPADA KERAJAAN, KINI SEDANG MENEROKA JALAN DALAM USAHA MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG LEBIH GEMILANG DAN BERMARUAH.

+USAHA INI BAGAIMANAPUN MEMERLUKAN PENGGEMBELINGAN SEMUA TENAGA DAN DAYA PEMIKIRAN TENTANG STRATEGI DAN PENYUSUNAN RANCANGAN TINDAKAN YANG DIHARAP AKAN MENJAMIN PENCAPAIAN CITA-CITA DAN IMPIAN YANG LEBIH BESAR BAGI NEGARA+, TAMBAHNYA.

--LAGI 1544/AN

ZCZC B587

MAHATHIR-PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENAMBAH, +JIKA KITA BERJAYA MENJADIKAN CITA-CITA DAN IMPIAN NEGARA YANG LEBIH BESAR ITU, CITA-CITA DAN IMPIN PERIBADI SETIAP INDIVIDU, MAKA INSYAALLAH BESAR KEMUNGKINAN KITA AKAN DAPAT MELIHAT PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BOLEH MENKAGUMKAN DUNIA+.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA, DATUK MUSTAPHA HAJI ABUL JABAR YANG TURUT MENGALU-NGALUKAN PENUBUHAN KELAB UMNO ITU BERKATA BAHAWA UMNO IALAH SEBUAH PERTUBUHAN POLITIK YANG DINAMIS DAN SENTIASA BERKEMBANG BAGI MEMENUHI KEHENDAK PERJUANGAN ORANG MELAYU DAN MERUPAKAN TERAS DIANTARA PARTI-PARTI KERAJAAN YANG MENENTUKAN DASAR DASAR DAN MATLAMAT NEGARA.

DATUK MUSTAPHA BERHARAP PARA PELAJAR BAIK DI MANA MEREKA BERADA AKAN MEMPELAJARI SELOK-BELOK POLITIK TANAH AIR KHASNYA PERANAN UMNO DALAM MEMBELA NASIB RAKYAT SEBAGAI PEWARIS POLITIK.

MENURUTNYA, PELAJAR-PELAJAR MEMPUNYAI TANGGUNGAN ISTIMEWA BAGI MENERANGKAN MATLAMAT UMNO DAN MENYEBARKAN PERJUANGANNYA KEPADA SEBERAPA SAMAI RAKYAT DI MANA MEREKA BERADA.

+PERBUATAN SEPERTI INI AKAN LEBIH MERUPAKAN LATIHAN BERKUALITI YANG SANGAT BERGUNA APABILA MEREKA PULANG KE TANAH AIR NANTI KATANYA LAGI.

--BERNAMA 1542/AN